

05 JUL 2003

Sulaiman-belasungkawa

UMNO RATAPI PEMERGIAN TUN SULAIMAN

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Umno meratapi pemergian pengerusi tetapnya Tun Sulaiman Ninam Shah yang pulang ke rahmahtullah hari ini akibat leukemia.

Ketiadaan Allahyarham memberi kesan mendalam kepada Umno kerana beliau bukan sahaja seorang pengerusi yang berwibawa tetapi tokoh politik veteran yang amat berpengalaman.

Guruannya yang bersahaja dan selamba sentiasa menceriakan perhimpunan agung Umno.

Beliau sering mencuit hati anggota perwakilan dengan celahan lucunya yang kerap menyebabkan hilai ketawa dalam keseriusan mereka membincangkan pelbagai agenda parti dan negara dalam perhimpunan agung.

Selama 28 tahun menjadi Pengerusi Tetap Umno, hanya tahun ini saja Sulaiman tidak dapat hadir kerana keadaan kesihatannya tidak mengizinkan.

Dalam temubual dengan Bernama pada 18 Jun, ketika Umno mengadakan perhimpunan agungnya yang ke-54, beliau menyatakan rasa terkilan dan sedihnya kerana tidak dapat hadir lebih-lebih lagi kerana ia merupakan kali terakhir Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikannya sebagai presiden parti.

Malahan Dr Mahathir dalam ucapan dasarnya pada perhimpunan itu menyatakan bahawa perhimpunan kali ini "agak berlainan" tanpa kehadiran Sulaiman.

Sulaiman dilahirkan pada 2 Jan 1920 di Muar, Johor.

Sebelum bergiat aktif dalam politik, beliau berkhidmat sebagai konstabel polis dari tahun 1939 hingga 1942 dan telah meningkat sehingga menjadi OCPD Muar sehingga 1945.

Beliau juga pernah menjadi senator pada tahun 1979 dan timbalan presiden Dewan Negara pada tahun 1982 sebelum bersara daripada perkhidmatan awam pada 1985.

Dalam dunia perniagaan, Sulaiman mula menceburinya dengan menjual surat khabar, majalah dan buku agama.

Beliau pernah menjadi pengarah syarikat Laksamana Tour Sdn Bhd dan menjadi pengerusi kepada dua buah syarikat iaitu Top Coach Builder Sdn Bhd dan Malacca-Singapore Executive Express Bhd dan juga pernah menjadi pengerusi Bank Rakyat.

Dalam arena politik, Sulaiman menyertai Umno sebagai anggota biasa pada tahun 1947 dan memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Johor kawasan Parit Jawa pada pilihan raya umum 1959.

Beliau menjadi Ketua Umno Bahagian Muar dari 1973 sehingga 1986 dan memulakan tugasnya sebagai Pengerusi Tetap Umno pada 1978.

Sulaiman dikurniakan pingat Seri Setia Mahkota yang membawa gelaran Tun pada 2001.

-- BERNAMA

NN AZZ MAI